

PM: Kerajaan sedia timbang

7 MAY 2002

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**
dan **ASUKI ABAS**

KUALA LUMPUR 6 Mei — Kerajaan sedia menimbang cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan jika rakyat mahu ia dilakukan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mendapati ketidakupayaan sesetengah pihak untuk berintegrasi dalam ekonomi baru berpunca daripada kelemahan mereka menguasai bahasa Inggeris.

“Justeru kita perlu mengatasi kelemahan ini, bagaimana kita melakukannya bergantung kepada banyak cara,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai kerajaan yang demokratik, sudah tentu pihaknya akan memberi maklum balas jika kewujudan semula sekolah tersebut dimahukan oleh rakyat.

● Reaksi pelbagai pihak di muka 4

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Hotel Mandarin Oriental, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* mengenai desakan pelbagai pihak meminta kerajaan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan selain beberapa pendekatan drastik lain bagi meningkatkan penguasaan bahasa tersebut di kalangan pelajar.

Bagi mereka, langkah itu akan membolehkan rakyat Malaysia keseluruhannya menguasai bahasa tersebut yang merupakan bahasa ilmu dan diguna pakai di seluruh dunia, sekali gus melangkah ke sektor pekerjaan dengan cukup bersedia dan berdaya saing.

Desakan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris itu merupakan maklum balas kepada syor yang dikemukakan oleh *Awang Sulung* dalam ruangan *Bisik-Bisik Mingguan Malaysia*, Ahad lalu.